



ABDULLAH IBRAHIM bersama isterinya Zainun Din meredah air sambil membawa barang keperluan ke Pusat Pemindahan Banjir SK Chendering selepas rumah mereka di Kampung Binjai, Kuala Terengganu dinaiki air, semalam.

Terengganu mula dilanda banjir

KUALA TERENGGANU 17 Nov. - Banjir mula melanda negeri ini apabila sebanyak 20 penduduk daripada lima buah keluarga di Chendering dipindahkan ke pusat pemindahan banjir berikutan rumah mereka dinaiki air hari ini.

Menurut sumber Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, kesemua mangsa kini ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Chendering di sini.

Mereka terpaksa dipindahkan berikutan kawasan rumah mereka dinaiki air ekoran hujan berterusan dan kadang kala lebat sejak pagi ini.

Sementara itu, kampus Univer-

siti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Gong Badak dekat sini melibatkan laluan pintu masuk utama dan asrama turut dinaiki air sedalam 0.3 meter kira-kira pukul 10 pagi sebelum kembali surut petang ini.

Dalam pada itu, MKN Terengganu dalam kenyataannya berkata, kawasan rendah di negeri itu berisiko dilanda banjir sekiranya hujan lebat dan sederhana masih berterusan.

Menurutnya, rekod masa ini menunjukkan purata taburan hujan di Terengganu adalah antara 2 hingga 80 milimeter dan ia dikesan di kawasan sebelah pantai daerah

Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman.

"Paras air di sungai-sungai utama seluruh negeri masih mencatat paras normal manakala angin kencang dan laut bergelora dijangka membawa angin dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak 3.5 meter.

"Ribut petir di perairan Terengganu dijangka berterusan dan kawasan pantai terdedah dengan kenaikan air paras laut," katanya sambil meminta semua jabatan dan agensi negeri serta daerah terus bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

UTUSAN MALAYSIA 18/11/2014